

UCAPAN PERDANA MENTERI DI PEMBUKAAN
RASMI SEMINAR SASTRA NUSANTARA DI
BALAI SEMINAR DEWAN BAHASA DAN
PUSTAKA, KUALA LUMPUR PADA 11HB APRIL,
1973

Saudara Pengerusi Seminar, Dif-dif yang terhormat, Saudara-saudara hadirin sekalian,

Terlebih dahulu inginlah saya mengucapkan ribuan terima-kasih kepada pihak Penyelenggara Seminar Sastra Nusantara kerana memberikan saya penghormatan merasmikan Seminar ini.

Bagi pihak Kerajaan dan rakyat Malaysia, saya turut mengalu-alukan kehadiran para peserta dari negara-negara tetangga yang memberikan sambutan dan sokongan kepada usaha yang baik ini. Saya percaya kehadiran mereka bersama-sama dengan kita akan memberikan sumbangan yang berharga kepada perkembangan Sastra Nusantara khasnya Sastra Malaysia.

Tidak ketinggalan juga, kita bersama-sama mengucapkan tahniah kepada pihak Dewan Bahasa dan Pustaka dan Gapena yang telah berusaha menganjurkan Seminar ini. Pada fikiran saya, Seminar ini besar maknanya dalam memupuk perkembangan kesusasteraan Melayu, bukan sahaja di Malaysia ini tetapi juga di seluruh rantau Asia Tenggara yang menggunakan rumpun bahasa Melayu sebagai bahasa nasional dan bahasa perantaraan umum.

Saudara-saudara Sekalian,

Sebagaimana yang saudara-saudara maklum, sastra Melayu, atau sastra yang tertulis dalam bahasa Melayu, ialah sastra yang tertua dan yang paling kaya di rantau Asia Tenggara ini. Kekayaan dan kesuburan sastra Melayu terutama sejak zaman Kerajaan Melaka dahulu adalah disebabkan oleh kemampuan bahasa Melayu menerima perubahan-perubahan yang di bawa oleh tamaddun-tamaddun asing seperti tamaddun Hindu, Arab dan kemudiannya tamaddun Barat.

Bahasa Melayu pada masa itu telah berkembang bukan sahaja sebagai bahasa perantaraan umum atau lingua franca di seluruh

kepulauan Melayu, tetapi juga sebagai bahasa pentadbiran Kerajaan, bahasa politik dan perdagangan, dan tidak kurang pentingnya sebagai bahasa kesusasteraan dan ilmu pengetahuan. Sebagai bukti, kita mendapat hasil-hasil karya sastra yang besar seperti "Sejarah Melayu" dan "Hikayat Hang Tuah" dalam kurun yang ke tujuhbelas.

Pada masa yang sama, suatu perkembangan intelek yang gemilang dan luarbiasa telah berlaku di Aceh, dengan munculnya tokoh-tokoh sastra dan falsafah yang terkenal iaitu Al-Raniri dan Hamzah Fansuri, yang membincangkan perkara-perkara mistik Islam (Islamic mysticism) dan soal-soal metafizik yang mendalam. Karya agung Al-Raniri, *Bustanussalatin*, yang boleh kita anggap sebagai ensaiklopedia Melayu yang ulung, telah menjadi tumpuan kajian ilmiah sarjana-sarjana "pengajian Melayu" baik dari Barat mahupun dari Timur. Saya mendapat tahu beberapa orang sarjana dari Eropah dan seorang anak Malaysia sendiri berjaya mencapai Doctorate kerana usaha mereka mengkaji sejarah hidup dan karya-karya Al-Raniri dan Hamzah Fansuri itu.

Saudara-saudara sekalian,

Begitulah subur dan hebatnya perkembangan bahasa dan sastra Melayu pada zaman yang silam. Akan tetapi, selepas "golden era" itu sastra Melayu mulai menghadapi dan mengalami keadaan yang trajik. Kedudukan politik yang tidak stabil semasa menghadapi tekanan kuasa-kuasa penjajahan Barat menyebabkan perkembangan Sastra Melayu terbantut dan terus merosot. Hanya pada pertengahan kurun ke sembilan belas baharulah tiba Abdullah Munshi dan Raja Ali Haji dengan karya masing-masing iaitu "Hikayat Abdullah" dan "Tuhfahtun-nafis" tetapi selain dari itu tidak ada karya-karya sastra Melayu lain yang boleh kita banggakan. Keadaan trajik ini berterusan untuk beberapa lama oleh kerana kuasa-kuasa penjajah yang berkuasa di rantau ini sama sekali tidak menggalakkan pertumbuhan bahasa dan intelek di kalangan rakyat yang dijajahnya.

Syukur Alhamdulillah, kita sekarang berada semula dalam zaman kemerdekaan. Dalam suasana yang penuh kebebasan ini, peluang untuk para penulis meninggikan mutu sastra yang ditulis dalam Bahasa Malaysia terbuka semula dengan mendapat penuh galakan dari Kerajaan. Bahasa Malaysia telah mencapai kemajuan yang pesat sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang

tunggal serta memegang peranan penting dalam kemajuan hidup manusia di negara ini, terutama sekali dalam Sistem Pelajaran Kebangsaan.

Saudara-saudara sekalian,

Dalam usaha kita membina negara yang bersatu-padu serta menentukan national identity sendiri, sudah tentulah tugas penulis hari ini lebih berat dari masa-masa yang lampau. Penulis hari ini hidup dalam suatu zaman yang jauh lebih kompleks di mana berbagai-bagai masalah dan keperluan-keperluan hidup manusia moden menghendaki perhatian dan juga huraiannya. Sistem hidup manusia moden memerlukan approach dan solution yang moden pula. Disebabkan oleh kemajuan pelajaran dan ilmu pengetahuan, masyarakat pembaca hari ini lebih kritis dan "sophisticated" dari masyarakat pembaca satu jenerasi terdahulu dan sebelumnya. Kemajuan bahasa Malaysia bukan sahaja akan dapat memperkayakan lagi sastra yang tertulis dalam bahasa Malaysia di negara kita tetapi juga akan melahirkan cabaran-cabaran baru bagi penulis-penulis moden. Bilangan pembaca dalam bahasa Malaysia dari kalangan bukan Melayu akan bertambah ramai dan lama kelamaan keadaan ini akan mempengaruhi aliran atau corak perkembangan sastra nasional.

Saya percaya sastra Melayu akan berubah corak kepada sastra Malaysia, iaitu sastra nasional yang ditulis dalam Bahasa Malaysia, yang bukan lagi bercorak Melayu jati tetapi bersifat dan mempunyai identiti Malaysia, seperti yang kita lihat berlaku di Indonesia, di mana sastra Indonesia ditulis dalam Bahasa Melayu (Indonesia) tetapi sastra itu tidak pula disebut "Sastra Melayu".

Barangkali tidak siapa yang boleh menafikan sastra Melayu yang ada sekarang atau yang telah berkembang selama ini lebih merupakan sastra untuk orang Melayu. Ini dapat kita lihat dari isi dan tema karya-karya sastra yang dihasilkan oleh penulis-penulis hingga hari ini. Dari segi isi dan temanya, jelaslah bahawa karya-karya itu ditujukan khas kepada masyarakat Melayu. Tetapi, sebagaimana yang telah saya katakan tadi, "audience" sastra Melayu suatu hari kelak akan terdiri dari semua kaum di negara ini. Oleh kerana ini, amatlah mustahak penulis-penulis Malaysia mula menghasilkan karya-karya sastra dalam Bahasa Malaysia yang boleh menarik perhatian semua golongan. Dengan demikian dan lebih-lebih lagi apabila penulis-penulis bukan Melayu yang

menghasilkan karya-karya sastra dalam Bahasa Malaysia bertambah ramai, maka sudah tentulah sastra Malaysia akan bertambah kaya. Sastra nasional yang moden ini akan benar-benar menjadi alat penting dalam pembangunan terutama sekali mempertemukan jiwa dan fikiran rakyat melalui bahan-bahan bacaan sastra yang mengandungi pesanan atau message yang boleh difahami dan diterima oleh semua rakyat Malaysia.

Saudara-saudara sekalian,

Seperti yang kita maklum, tugas sastra sebagai alat perhubungan tentulah tidak terbatas kepada lingkungan wilayahnya sahaja dan dalam context ini sering terdapat sastra nasional sesuatu negara yang tinggi mutunya turut diminati oleh peminat-peminat sastra wilayah yang lain-lain samada dalam bentuk asalnya ataupun dalam terjemahan. Bagi kita di rantau kepulauan Melayu atau Malaya Archipelago, proses ini sudah lama berlaku sejak sebelum zaman kemerdekaan apatah lagi oleh kerana bahasa sastra itu berasal dari rumpun yang sama.

Saya sungguh sukacita proses ini berjalan dengan pesat bukan sahaja dari segi pengenalan karya-karya sastra dalam bentuk puisi, cerpen dan novel, tetapi secara lebih mendalam dengan adanya Seminar seperti ini. Hingga masa ini, pengenalan karya sastra Nusantara bagi orang-orang yang di luar rantau ini masih terbatas kepada usaha pertubuhan tertentu berupa beberapa kumpulan sajak atau cerpen yang diterjemahkan ke Bahasa Inggeris. Kita turut berbangga dengan adanya penghargaan kepada beberapa buah karya Sastra Indonesia di sisi dunia international seperti juga kita boleh bermegah dengan karya sastrawan kita Shahnom Ahmad "Ranjau Sepanjang Jalan" yang dibandingkan dengan pujangga Victor Hugo "Les Miserables". Perkembangan seperti ini dan kemajuan yang kita harapkan bagi masa akan datang mempunyai natijah yang baik bagi Sastra Malaysia khasnya dan Sastra Nusantara amnya.

Saudara-saudara sekalian,

Berhubung dengan ini juga, saya suka menarik perhatian kepada satu perkara yang mana barangkali akan saudara-saudara bincangkan dalam Seminar ini. Saya memandang kemungkinan meluaskan scope penulisan sastra yang meliputi rantau Asia Tenggara ini semakin cerah dengan bertambah eratnya tali perhubungan sesama rakyat antara negara-negara dan juga melalui usaha-usaha

yang dijalankan oleh ASEAN dalam bidang hubungan kebudayaan. Terdahulu tadi saya menyentuh tentang kelemahan Sastra Malaysia yang masih tertumpu sekitar masyarakat pembaca Melayu meskipun kadangkala terdapat cerpen yang beridentiti Malaysia. Saya ingin melihat dalam masa yang ke hadapan ini karya sastrawan kita yang mencerminkan hasrat rakyat seluruh rantau Asia Tenggara ini yang inginkan kemajuan hidup moden dalam context rantau dunia yang aman, bebas dan berkecuali.

Pada hemat saya, latar belakang negara-negara kita yang sama secorak dan sejalan iaitu menentang penjajahan bagi merebut kemerdekaan dan kemudian menegakkan kedaulatan bangsa masing-masing sambil memperjuangkan kehidupan yang lebih makmur, bahagia dan moden bagi rakyat sepatutnya menjadi satu ilham bagi penulis-penulis kita menghasilkan karya sastra yang universal bagi dunia international.

Saudara-saudara sekalian,

Sebagaimana yang telah saya katakan tadi, tugas penulis dalam zaman teknologi moden jauh lebih kompleks dari zaman-zaman yang lampau dan sangatlah berat. Penulis yang berjaya biasanya terdiri dari manusia yang mempunyai pandangan hidup atau perception dan daya pemikiran yang luarbiasa. Tegasnya, mereka mendahului fikiran zamannya dan dapat melihat jauh ke dalam lubuk hidup manusia di luar lingkungannya sendiri.

Dalam zaman yang sentiasa berubah dan bergolak ini, penulis yang tidak turut berubah dan tidak mampu mengubah pandangan masyarakatnya pasti akan ditinggalkan oleh kemajuan masyarakat itu. Oleh itu mereka mestilah sanggup menganalisa pola-pola hidup, saikoloji dan tabii manusia secara mendalam berdasar pada perubahan masa dan environment. Penulis yang hanya berjaya melihat "kulit luar" masyarakatnya, tetapi tidak berjaya melihat apa yang sebenarnya berlaku di sebalik itu tentu tidak akan berjaya menghasilkan karya-karya sastra yang boleh menarik hati pembaca-pembaca yang mempunyai citarasa yang "sophisticated" apatah lagi untuk bacaan alam universal.

Saudara-saudara sekalian,

Saya berharap Seminar ini akan berjaya mencapai cita-citanya terutama mengenai langkah-langkah meningkatkan perkembangan sastra di negara ini kerana kita maklum kemajuan hidup manusia

tidak akan lengkap dengan sains dan teknologi sahaja. Sebagai tenaga yang turut menentukan corak masyarakat maka sudah sewajarnya saudara-saudara memikirkan soal-soal hidup manusia seperti yang difikirkan oleh ahli-ahli sains, ahli-ahli ekonomi dan juga ahli-ahli politik seperti saya kerana kalau orang lain melihat kemajuan manusia berdasarkan penyelidikan, statistik dan graf-graf kemajuan, saudara-saudara melihat kemajuan manusia dari segi daya intelek, seni dan rohaniah yang sama penting bagi mengimbangi kemajuan material. Kalau seorang ahli anatomi mengkaji anggota badan manusia dengan tujuan untuk mengetahui struktur badan manusia dari segi perubatan, saudara-saudara juga boleh memperkatakan anatomi manusia dari segi keindahan fisik atau batinnya. Saya percaya usaha saudara-saudara itu akan lebih dihargai dan diminati kerana dikemukakan bentuk karya sastra yang indah dan tinggi mutunya untuk masyarakat rakyat yang mencintai keindahan.

Dengan ini saya sukacita mengisytiharkan Seminar Sastra Nusantara ini dibuka dengan rasmi sambil menyatakan harapan semuga usaha ini membawa munafaat kepada kita semua di rantau ini.